



UCAPAN PERASMIAN

**YB SENATOR DATUK LIM BAN HONG
TIMBALAN MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH
*ANNUAL PRODUCTIVITY & INNOVATION
CONFERENCE AND EXPOSITION (APIC) 2020***

15 DISEMBER 2020 (SELASA)

2.30 PETANG – 4.00 PETANG

YANG BERBAHAGIA DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN

Ketua Pengarah, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);

Ahli-ahli Lembaga Pengarah MPC;

Yang Berbahagia Dato'-Dato';

Ketua-ketua jabatan dan organisasi;

Peserta APIC 2020;

Rakan-rakan media;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati;

Salam Sejahtera dan Selamat Petang.

1. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada peserta yang hadir dan berasa gembira kerana dapat bersama-sama pada Majlis Penyampaian Anugerah *Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition* (APIC) 2020 pada hari ini.
2. Saya dimaklumkan penganjuran APIC ini merupakan satu inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti organisasi melalui pembudayaan kreativiti dan inovasi yang bermula dari idea-idea warga kerja organisasi yang produktif.

Tahniah kepada semua yang terlibat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Inovasi didefinisikan sebagai sesuatu kaedah atau produk yang dihasilkan daripada idea-idea baharu dalam semua aspek kerja untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dan berterusan dalam apa jua yang ditawarkan. Umum mengetahui, pemupukan budaya inovasi dapat melonjakkan reputasi sesebuah industri dalam usaha untuk berdiri teguh dalam menghadapi sebarang bentuk cabaran khususnya persekitaran ekonomi yang tidak menentu.
4. Perubahan persekitaran global dan tempatan yang begitu dinamik telah mengakibatkan berlakunya persaingan sengit antara negara-negara di dunia. Elemen inovasi dan kreativiti merupakan faktor utama kepada penentuan pencapaian ke arah status negara maju berpendapatan tinggi. Perkembangan pesat dalam teknologi digital masa kini turut mempengaruhi usaha-usaha inovasi dan kreativiti ke arah peningkatan daya saing negara.
5. Malaysia telah kekal di tangga ke-26 di kalangan 63 buah negara dan mencatatkan kedudukan kedua dikalangan ASEAN, berbanding tahun sebelumnya bagi penarafan IMD *World Digital Competitiveness Ranking* (WDCR) 2020. WDCR ini telah diterbitkan bagi mengukur keupayaan dan kesediaan 63 buah negara di dalam penggunaan dan penerokaan teknologi digital bagi tujuan transformasi ekonomi dan sosial sesebuah negara.

6. Di dalam Laporan WDCR 2020 juga, Malaysia telah menunjukkan peningkatan ke tangga ke-15 bagi sub-faktor rangka kerja teknologi berbanding tangga ke-20 pada tahun 2019. Manakala, bagi sub-faktor latihan dan pendidikan pula, Malaysia berada di tangga ke-8 berbanding tangga ke-11 pada tahun sebelumnya. Ini membuktikan komitmen negara dalam meningkatkan pengetahuan digital dan penggunaan teknologi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Bagi mendorong pertumbuhan dan penerapan teknologi yang lebih besar, sesebuah organisasi perlu mempertimbangkan penggunaan digital secara holistik dan disertai dengan pemikiran inovasi dan kreativiti secara berterusan.
8. Penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan bagi memastikan pembangunan ekonomi digital di Malaysia adalah bersifat inklusif dengan memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi 4IR.
9. Oleh itu, perancangan, penyelarasan dan pemantauan dasar di peringkat kebangsaan adalah penting bagi mengekalkan kelestarian pembangunan Negara dalam arus kemajuan global yang semakin menjurus kepada pendigitalan intensif merentas segala aspek ekonomi dan kehidupan.

10. Kerajaan turut memberi penekanan kepada digitalisasi, infrastruktur dan penerapan teknologi baharu melalui pembentangan Belanjawan 2021 yang menandakan komitmen kerajaan untuk pemulihan ekonomi perniagaan serta memperkukuhkan ekonomi negara secara menyeluruh.
11. Melalui pembangunan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), kerajaan telah memperuntukkan **RM42 juta** untuk memperbaiki hubungan (*connectivity*) diantara kawasan industri di Malaysia. Manakala **RM7 bilion** diperuntukkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi membina dan menaiktaraf perkhidmatan jaringan (*broadband*) untuk tahun 2021 dan 2022 serta **RM230 juta** diperuntukkan kepada PKS sebagai pembiayaan modal kerja dan peningkatan sistem automasi.

Para hadirin sekalian,

12. Inisiatif inovasi juga dapat dilihat apabila kerajaan mula memperkenalkan program seperti **#MyMudah** bagi menangani peraturan tidak produktif serta membebaskan yang sering kali menjadi penghalang kepada pemulihan, peningkatan dan pertumbuhan perniagaan.
13. Berdasarkan inisiatif ini juga, penggubal dasar dan pengawal selia digalakkan untuk sama ada memansuhkan, mengkaji semula atau melonggarkan peraturan tertentu buat

sementara atau secara kekal jika didapati membebankan perniagaan dan menghalang pertumbuhan ekonomi.

14. Ini akan dapat mengurangkan kos pematuhan peraturan, meningkatkan kemasukan Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) dan dalam masa yang sama menggalakkan pelaburan domestik, mencipta peluang pekerjaan baharu dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara.
15. Di bawah inisiatif *#MyMudah* ini, para peniaga dialu-alukan untuk mendaftarkan isu secara atas talian melalui portal *Unified Public Consultation* (UPC). Isu tersebut seterusnya akan dianalisis oleh MPC melalui sesi sesi libat urus bersama para peniaga dan pengawal selia. Seterusnya, cadangan penambahbaikan bagi menangani isu akan dikemukakan kepada pengawal selia untuk dilaksanakan. MPC juga melaporkan kemajuan inisiatif *#MyMudah* ini kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN atau EAC) secara berkala.
16. Sehingga 30 November 2020, sebanyak 376 isu telah didaftarkan oleh peniaga melalui portal UPC merangkumi pelbagai sektor iaitu sektor Perkhidmatan sebanyak 73.6%, Pembuatan (4.3%), Pertanian (9.3%), Pembinaan (11.5%) dan Perlombongan (1.3%).

Para hadirin sekalian,

17. Organisasi yang kreatif dan inovatif akan sentiasa berfikir untuk menguasai pasaran baharu dengan memperkenalkan produk atau perkhidmatan yang relevan. Berdasarkan kepada Laporan *McKinsey & Co's* Jun 2020 bertajuk '*Innovation Is A Crisis: Why It Is More Critical Than Ever*', pengeluar produk farmaseutika dan perubatan adalah antara syarikat yang sedang giat berinovasi bagi menghasilkan vaksin COVID-19.
18. Selain itu, adalah penting bagi setiap organisasi melaksanakan inisiatif penambahbaikan berterusan bagi memupuk budaya kerja yang produktif kerana ia boleh memberikan pendapatan yang baik untuk kesejahteraan dan kemakmuran bersama.
19. Saya percaya melalui program-program yang telah diatur oleh MPC, dengan kerjasama agensi swasta dan kerajaan, ianya mampu memberi kesan dan faedah untuk kita bersama-sama meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.
20. **Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta dan pemenang *Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020* yang akan diumumkan sebentar lagi. Teruskan usaha berinovasi ke arah negara yang lebih berdaya maju.**

Sekian, terima kasih.